

**BAB  
KEEMPAT**



## BAB KEEMPAT

### CUKAI KEMAJUAN ATAU PEMBANGUNAN, CUKAI KEUNTUNGAN BERLEBIHAN DAN CUKAI HARTA

Konsep keadilan didalam Islam adalah jelas. Undang-undang Islam adalah ciptaan Allah. Ia tidak lahir daripada adat resam dan kebiasaan atau ciptaan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan bertulis<sup>1</sup>. Oleh itu sebarang undang-undang yang hendak dilaksanakan oleh manusia di atas muka bumi Allah ini, mestilah berlandaskan kepada syariat Islam yang telah di turunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, menerusi Quran dan Hadis. Lahirnya undang-undang syariat Islam bukannya daripada tuntutan dan kehendak seluruh masyarakat, suasana atau keadaan.<sup>2</sup>

Pengubal undang-undang bagi sebuah negara adalah mengikut sistem pemerintahan yang diamalkan di negara tersebut. Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen, dimana setiap undang-undang yang hendak di laksanakan atau dikuatkuasa adalah digubal, dibahas dan seterusnya diluluskan oleh Parlimen.<sup>3</sup> Cukai pendapatan dikuatkan melalui Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53) iaitu merupakan salah satu undang-undang Malaysia yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Di dalam bab yang lepas telah di bincangkan tentang beberapa jenis cukai di zaman awal pemerintahan Islam dan juga cukai-cukai yang dilaksanakan di Malaysia. Satu lagi jenis cukai yang telah di laksanakan ialah cukai kemajuan atau pembangunan.<sup>4</sup> Cukai ini dikenakan ke atas pendapatan perniagaan dan sewa. Pendapatan lain seperti penggajian, faedah yang diperolehi oleh orang persaorangan tidak dikenakan cukai ini. Di Malaysia tujuan pengenaan cukai kemajuan ialah untuk mengenakan cukai tambahan kepada orang yang mempunyai sumber pendapatan perniagaan.<sup>5</sup> Pendapatan dari perniagaan termasuklah hasil jualan dari suatu perniagaan yang di jalankan oleh seseorang atau sebagai rakan kongsi dengan orang lain. Pengertian perniagaan adalah didefinisikan sebagai profesyen, perdagangan, penggajian, tetapi tidak termasuk pekerjaan sebagai seorang pekerja.<sup>6</sup>

Pengenaan Cukai kemajuan ini sebagai cukai tambahan akan memberi kesan yang positif. Cukai tambahan yang dikenakan di samping cukai pendapatan itu ditujukan khusus kepada orang-orang yang mendapat lebih banyak nikmat pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Falsafah cukai kerajaan ialah sistem cukai mestilah di asaskan di atas unsur-unsur keadilan, berpatutan dan wajar.<sup>7</sup>

"Kemajuan" atau "pembangunan" di huraikan sebagai menjalankan operasi keatas sesuatu tanah atau apa-apa bahan yang mengubah penggunaan tanah<sup>8</sup>. Di Malaysia, pengertian kemajuan meliputi kegiatan perniagaan, pertanian, perikanan, perlادangan dan perkhidmatan udara, laut dan darat. Adalah wajar orang-orang yang melaksanakan aktiviti pembangunan ini di kenakan sedikit cukai sebagai balasan kepada galakan yang diberi oleh kerajaan. Sebelum tahun 1986 cukai kemajuan yang dikenakan ialah lima peratus (5%). Kadar ini bagaimana pun telah di turunkan kepada empat peratus (4%) pada tahun taksiran 1990 dan tiga peratus (3%) mulai tahun taksiran 1991. Memandangkan jumlah hasil terus meningkat kerajaan menurunkan lagi kadar tersebut kepada dua peratus (2%) pada tahun taksiran 1992 dan akhir sekali ianya dihapuskan mulai tahun taksiran 1993.<sup>9</sup>

Berdasarkan kepada asas perbincangan dalam bab-bab yang lepas, adalah wajar supaya kerajaan menggenakan semula cukai kemajuan ini bagi mengimbangi kesan ekonomi dan sosial kesan dari penyusunan semula sistem rebat zākāt seperti yang di cadangkan.

Kebanyakan negara negara yang maju hari ini mengamalkan sistem percukaian yang global (dunia) ada juga beberapa negara yang kurang maju (mundur) yang

masih mengamalkan sistem sekdulear (schedular).<sup>10</sup> Dalam sistem pencukaian global, semua jenis pendapatan dari apa juga sumber, yang terakru kepada seseorang pembayar cukai yang sama, di anggap sebagai satu sumber pendapatan yang tertakluk kepada suatu kadar cukai yang khusus.<sup>11</sup> Manakala sistem sekdulear (schedular) pula tiap tiap jenis pendapatan itu seperti penggajian, dividen, keuntungan perniagaan dikenakan kadar cukai yang berlainan. Dengan perkataan lain sistem percukaian seperti ini mempunyai satu jadual kadar cukai untuk pelbagai jenis pendapatan yang di terima oleh seseorang itu.<sup>12</sup>

Pada hari ini kebanyakan negara sistem cukainya telah menjadi bertambah komplek. Ini mengakibatkan lebih ramai pembayar cukai yang menghadapi kedudukan atau masalah percukaian mereka.<sup>13</sup> Oleh kerana sistem percukaian yang terus menjadi bertambah komplek, kerajaan berusaha menghalang pelarian dan pengelakan cukai. Kedua dua phenomena tersebut disebabkan oleh kenaikan kadar cukai dan ditambah lagi kecanggihan teknologi pembayar cukai yang di bantu oleh penasihat penasihat cukai yang lebih cekap.<sup>14</sup>

Setengah-setengah jenis pendapatan di diskriminasikan kerana sifat usahanya dibawah sistem percukaian berjadual yang di amalkan sekarang di

Malaysia<sup>15</sup>. Pendapatan dari jenis ini mempunyai hubung kait dengan jenis aktiviti yang dijalankan oleh seseorang itu.

Pendapatan kemajuan didefinisikan sebagai pendapatan dari perniagaan dan sewaan harta di Malaysia. Ianya dianggap sebagai jenis pendapatan yang mudah di perolehi berasaskan sifat dan coraknya.<sup>16</sup> Sesiapa juga boleh menjalankan perniagaan samada secara sah atau tidak di sisi undang-undang, asalkan ia berusaha kearah mencapai matlamatnya memperolehi keuntungan.

Pulangan dari aktiviti perniagaan adalah lebih tinggi daripada kadar pulangan di sektor lain. Pendapatan sewa pula di anggap mudah di perolehi kerana ia kurang memerlukan daya usaha gigih.<sup>17</sup>

Sekop pengenaan cukai kemajuan ini, meliputi individu, syarikat, badan dan pertubuhan tetapi tidak termasuk perkongsian. Tujuan dan objektif umum cukai kemajuan ini ia lah untuk menambah hasil kerajaan dan untuk mengembangkan skop percukaian bagi meliputi satu jenis pendapatan mudah sebagai asas percukaian yang baru.<sup>18</sup>

Tidak seperti cukai tambahan yang lain, cukai kemajuan di kenakan ke atas pendapatan yang melebihi had lima ribu RM 5,000.00 bagi sesuatu tahun taksiran.<sup>19</sup>

Tujuan mengenakan atau meletakkan had lima ribu (RM 5,000) sebagai had minima ialah untuk menambahkan keberkesanan kadar cukai ke atas pembayar cukai yang mempunyai pendapatan yang besar tapi membayar cukai yang sedikit.<sup>20</sup>

Cukai kemajuan ini dikenakan ke atas semua orang tidak kira sama ada dia bermastautin atau pun tidak di Malaysia, asalkan dia mempunyai sumber pendapatan kemajuan. Bagi mereka yang tidak bermastautin hanya di kenakan cukai di atas pendapatan kemajuan yang di terima atau diperolehi dari Malaysia sahaja.<sup>21</sup>

Cukai kemajuan dikenakan juga ke atas isteri yang memilih taksiran berasingan jika ia memperolehi pendapatan dari sumber kemajuan pada tahun taksiran 1991, sekiranya beliau mempunyai pendapatan melebihi lima ribu (RM5,000) ringgit kadar cukainya ialah tiga peratus (3%).<sup>22</sup>

Cukai keuntungan berlebihan telah diperkenalkan sebagai cukai tambahan kepada cukai pendapatan, cukai ini

kemudiannya telah dihapuskan. Ia merupakan satu penggenap kepada cukai pendapatan kerana ia dikenakan hanya setelah pendapatan kena cukai seseorang itu melebihi satu tahap bumbung.<sup>23</sup>

Sama seperti cukai kemajuan, pengenalan cukai ini ialah untuk mengawal kesan inflasi melalui penambahan tabungan. Semasa ia diperkenalkan adalah di anggarkan kira-kira sembilan belas (RM19) juta akan dipungut daripada syarikat-syarikat sendirian berhad dan awam, manakala empat (RM4) juta lagi daripada orang persaorangan.<sup>23</sup>

Berlainan dengan cukai kemajuan yang dikenakan keatas pendapatan kemajuan semata-mata, cukai keuntungan berlebihan dikenakan ke atas semua jenis pendapatan atau keuntungan kecuali pendapatan yang berikut: antaranya ialah pendapatan syarikat yang mendapat pengecualian dibawah akta galakan pelaburan iaitu syarikat-syarikat perintis.<sup>24</sup> Keuntungan petroleum, perlombongan, pembalakan, syarikat kerjasama dan semua jenis pendapatan yang mendapat pengecualian dibawah jadual enam (6) Akta cukai pendapatan 1967 No.47 (Akta 53)

Seperi yang telah disebutkan di awal perbincangan tadi cukai ini mempunyai tahap minimanya yang agak tinggi iaitu sebanyak satu ratus ribu (RM100,000) atau bersamaan

dengan dua puluh lima peratus (25%) daripada ekuiti bagi syarikat. Kadar cukai yang di kenakan ialah lima peratus (5%) peratus sahaja.<sup>25</sup> Kadar nya yang rendah itu menunjukkan kerajaan tidak bergantung atau mengharapkan hasil kutipan yang besar dari cukai ini. Ternyata sekali hal ini bila kerajaan mengambil langkah menghapuskannya pada tahun 1988.<sup>26</sup>

Satu lagi jenis cukai yang wajar di laksanakan oleh kerajaan bagi mengimbangi kesan cukai ke atas orang ramai ialah melalui pengenaan cukai harta. Kerajaan mempunyai tiga pilihan untuk melaksanakan sesuatu jenis cukai iaitu:<sup>27</sup>

- i. Pendapatan yang dihasil dan diterima
- ii. Perbelanjaan (penggunaan)
- iii. Kekayaan, harta atau modal.

Cukai taksiran ke atas harta yang ada sekarang perlu diubah suai bagi meliputi kesemua jenis harta iaitu tanah, bangunan, mesin jentera, kelengkapan perabut, alat pengangkutan seperti kereta dan motorsikal.<sup>28</sup> Pengenaan cukai keatas harta terutama tanah perlu berhati hati, supaya cukai yang di kenakan itu adalah ke atas nilai sebenar tanah itu.<sup>29</sup>

Terdapat dua cara utama untuk mengenakan cukai tersebut. Pertama berdasarkan nilai harta tetap atau modal itu sendiri seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat, Kanada, Afrika Selatan, Jerman, Austria dan Denmark.<sup>30</sup> Bagaimana pun di Malaysia pentadbiran pungutan cukai ini di letakkan di bawah kuasa kerajaan negeri dan tempatan.<sup>31</sup> Keuntungan dan hasil jualan tanah ini telah pun di bincangkan dalam bab yang lepas di bawah tajuk cukai keuntungan harta tanah.

Kedua, amalan tradisi British yang berdasarkan nilai sewa semasa atau nilai guna sebenar terhadap harta tersebut.<sup>32</sup>

Di Malaysia kadar cukai yang dikenakan adalah berbentuk agresif yang berlawanan mengikut jumlah tahun pemilikan harta tadi serta kedudukan nilai semasanya.<sup>33</sup>

NOTA HUJUNG

1. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 4.
2. *Ibid*, hal. 4.
3. Veerinderjeet Singh, *Malaysian Taxation, Administrative & Technical Aspects*, Longman Malaysia Sdn. Bhd. Petaling Jaya 1992, hal. 97.
4. *Ibid*, hal. 97.
5. *Ibid*, hal. 97.
6. K.W. Ray and G.W. O'Gady, *Manual of the Law of Income Tax In Australia*, the Law Book Company Limited 1985.
7. Bernard Marks, *Tax Reform White Paper, Implications and Analysis*, CCH Australia Limited Sydney 1985, hal. 105.
8. Dolery Stewart - Smith Barnes, *Development Gains Tax*, London, Butterworth 1975, hal. 3.
9. Veerinderjeet Singh, *op.cit*, hal. 37.
10. *Ibid*, hal. 59.
11. *Ibid*, hal. 59.
12. *Ibid*, hal. 59.
13. Cedric Sandford; *Tax Compliance and Fiscal Publications* 1995, hal. 6.
14. *Ibid*, hal. 6.
15. Barjoyai Bardai *Percukaian, Prinsip Dan Amalan di Malaysia*, DBP, KL. 1987, hal. 159.
16. *Ibid*, hal. 159.
17. *Ibid*, hal. 159.
18. *Ibid*, hal. 160.
19. Goh Chen Chuan *Every Man's Guide To Understanding The Malaysian Income Tax*, Leed Publications KL. 1991, hal. 10.

20. Herbert E. Miller, C.P.A Review Manual, Chapter 9, Taxation. Prentice Hal Tax Editorial Staff, England, 1971, hal. 157.
21. Berjoyai Bardai, *op.cit*, hal. 161.
22. Goh Chan Chuan, **Tax & You**, Pelanduk Publication (m) & Berhad, Petaling Jaya 1991, hal. 26.
23. Berjoyai Bardai, *op.cit*, hal. 167.
24. *Ibid*, hal. 168.
25. *Ibid*, hal. 167.
26. *Ibid*, hal. 167.
27. N.T Wang Taxation and Development, Praeger Publisher, New York, 1976, hal. 2.
28. *Ibid*, hal. 4.
29. *Ibid*, hal. 8.
30. Zulkornain Yusuf *op.cit*, hal. 22.
31. *Ibid*, hal. 22.
32. *Ibid*, hal. 22.
33. *Ibid*, hal. 22.